

Hak komuniti Orang Asli: Adakah prinsip persetujuan bebas, didahulukan dan diinformasikan (free, prior, informed consent, FPIC) telah diperoleh untuk surat HSKLU?

16 November 2020. Gabungan **Pertahankan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (PHSKLU)** amat mengambil berat atas dakwaan sokongan untuk penyahwartaan tanah oleh ketua kampung Orang Asli telah dilakukan tanpa 'persetujuan bebas, didahulukan dan diinformasikan' (FPIC) dan menyeru sebuah penyiasatan bagi perkara ini. Kami dimaklumkan mengenai bukti yang menunjukkan bahawa pada pertengahan September (sebelum sesi pendengaran awam / siasatan awam pada 29 September untuk membincangkan bantahan nyahwarta HSKLU) [tujuh daripada lapan Tok Batin atau ketua kampung di Daerah Kuala Langat](#) memberikan sokongan mereka terhadap penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) tetapi pada masa yang sama meminta sokongan untuk mempercepat pewartaan kampung mereka sendiri.

Sebilangan anggota Gabungan PHSKLU telah mendengar bahawa penandatanganan surat oleh ketua kampung ini mungkin dilakukan di bawah paksaan dan / atau berdasarkan maklumat yang tidak lengkap atau mengelirukan dan mungkin melanggar prinsip '[persetujuan bebas, didahulukan dan diinformasikan](#)' (FPIC), [yang diperlukan ketika berurusan dengan komuniti peribumi di bawah Deklarasi PBB mengenai Hak Orang Asal \(UNDRIP\)](#) yang mana Malaysia adalah penandatanganannya. Ini juga disokong oleh ucapan [YB Elizabeth Wong \(PKR - Bukit Lanjan\) di Dewan Negeri pada 2 November 2020](#), yang dia diberitahu bahawa, "mereka (Orang Asli) rasa terhimpit, dipaksa untuk menandatangani kerana mereka diberi dua pilihan yang saya rasa tidak adil, iaitu : kalau mereka hendak mengekalkan kampung Orang Asli di tempat yang sama, maka mereka harus menandatangani surat (untuk menyokong penyahwartaan HSKLU). "

Ini juga jelas dari banyak bantahan yang dibuat oleh anggota masyarakat Orang Asli yang tinggal bersebelahan dengan HSKLU, pada Siasatan Awam 29 September bahawa banyak anggota masyarakat dan sekurang-kurangnya satu kampung masih menentang cadangan penyahwartaan HSKLU. Pengerusi Siasatan Umum, YB Hee Loy Sian, memberitahu para hadirin bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju beberapa tahun yang lalu, untukewartakan semua Kampung Orang Asli di Selangor termasuk di Daerah Kuala Langat. Oleh itu, tidak seharusnya ada perkaitan antara cadangan penyahwartaan HSKLU dan pewartaan perkampungan Orang Asli.

Terdapat beberapa persoalan mengenai cara persetujuan dari batin-batin tersebut diperoleh oleh pihak berkuasa. Ini termasuk tuduhan bahawa batin tidak diberi nasihat undang-undang sebelum menandatangani surat itu, dan kemungkinan mereka diberi informasi yang tidak lengkap atau mengelirukan dan proses itu tidak dilakukan secara terbuka dan telus, dan ketua kampung merasa 'tertekan' untuk menandatangani untuk tidak kehilangan kampung mereka. Perkara ini disahkan lagi oleh anggota gabungan PHSKLU dan aktivis Temuan yang kampungnya yang akan terjejas secara langsung, Shaq Koyok "*Saya terkejut apabila mengetahui Tok Batin telah menandatangani surat tersebut tanpa diberitahu akan kerangka undang-undang yang diperlukan dan ia tidak dilakukan dalam perbincangan dengan masyarakat, yang biasanya dilakukan*"

Kami meminta penjelasan dari masyarakat Orang Asli dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di peringkat negeri Selangor dan Persekutuan mengenai apa yang berlaku. PHSKLU ingin melihat siasatan yang menyeluruh dilakukan terhadap tuduhan yang disebutkan di atas.

PHSKLU akan terus berwaspada dalam isu ini untuk memastikan bahawa rancangan pembangunan yang dilakukan di negeri Selangor tetap peka terhadap keperluan dan permintaan masyarakat adat yang terkesan oleh rancangan ini. Kami menolak sekeras kerasnya segala bentuk manipulasi atau pemaksaan masyarakat atas dasar kemusnahan alam sekitar, habitat dan budaya.

Rujukan

Sidang Dewan Negeri Selangor | 2 November 2020 - Sesi petang

Petikan dari YB Elizabeth Wong, 1: 17:00

<https://www.youtube.com/watch?v=OEgHhu3Eqe4&feature=youtu.be>

Untuk informasi lanjut, sila hubungi Suresh Kumar di 019-569-6964 peoplesbhr@suaram.net

Disokong oleh:

1. Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (PEKA)
2. SUARAM (Suara Rakyat Malaysia)
3. Persatuan Kesedaran dan Keadilan Iklim Malaysia (Klima Action Malaysia-KAMY)
4. Five Arts Centre
5. Persatuan Tindakan Alam Sekitar Kuala Langat
6. EMPOWER Malaysia
7. Greenpeace Malaysia
8. Parti Sosialis Malaysia
9. Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA)
10. Center for Orang Asli Concerns (COAC)
11. Global Environment Centre (GEC)
12. Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera (GRASS) Malaysia
13. Malaysian Nature Society (MNS) Selangor Branch
14. Sahabat Alam Malaysia (SAM)
15. Treat Every Environment Special Sdn Bhd (TrEES)